


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/09/998222/jumlah-penganggur-di-malaysia-semakin-berkurangan>

Jumlah penganggur di Malaysia semakin berkurangan



Pasaran pekerjaan yang lebih kukuh disokong oleh kedudukan ekonomi yang bertambah baik -NSTP/Faiz Anuar

PUTRAJAYA: Pasaran perkerjaan di negara ini Malaysia bertambah kukuh pada bulan Julai dengan kadar pengangguran mencatatkan 3.7 peratus, menghampiri paras prapandemik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kadar pengangguran terkini adalah jauh lebih baik berbanding dengan 4.5 peratus yang dicatatkan pada 2021 dan 4.2 peratus pada Januari 2022.

"Bilangan penganggur terus menurun kepada 620,700 orang, berbanding 630,600 orang pada Jun 2022," katanya dalam satu kenyataan susulan penerbitan Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Mustapa berkata, bilangan penduduk bekerja pada Julai 2022 terus mencatatkan pertumbuhan positif 0.3 peratus kepada 15.98 juta orang, berbanding 15.94 juta orang pada bulan sebelumnya.

Mengikut sektor ekonomi, beliau berkata bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan semakin meningkat, terutamanya dalam aktiviti perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; serta aktiviti pentadbiran & khidmat sokongan.

"Guna tenaga dalam sektor pembuatan dan pembinaan turut menunjukkan peningkatan, kecuali bagi sektor pertanian dan perlombongan & pengkuarian yang mencatatkan penurunan," katanya.

Beliau berkata, kedudukan tenaga buruh pada Julai 2022 juga bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan merekodkan 16.6 juta orang.

"Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada bulan itu iaitu pada kadar 69.6 peratus," katanya.

Mustapa menambah, pasaran pekerjaan yang lebih kukuh itu disokong oleh kedudukan ekonomi yang bertambah baik bagi suku kedua 2022 dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin mantap pada kadar

8.9 peratus, menjadi ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.9 peratus pada separuh pertama tahun ini.

"Peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal, terutamanya susulan pembukaan sempadan negara sejak 1 April 2022 telah memberi impak positif terhadap pasaran buruh negara yang telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, momentum pemulihan pasaran buruh juga selaras dengan pelaksanaan inisiatif kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, seperti program JaminKerja – Insentif Penggajian (JKIP) dan pewujudan Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs.

"Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan mempertingkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Menuju ke hadapan, Mustapa berkata pasaran buruh dijangka akan terus kukuh pada suku tahun ketiga dengan jangkaan prestasi perniagaan lebih baik.

Beliau berkata, petunjuk keyakinan mencatat 4.7 peratus bagi suku ketiga tahun 2022 berbanding 3.5 peratus pada suku kedua.

"Ini menggambarkan situasi ekonomi dijangka lebih baik pada suku ketiga tahun ini," katanya.